

Cukai terhadap Individu Berpendapatan Perniagaan

Bagaimanakah cara pelaporan cukai yang betul?

Secara umumnya, terdapat dua asas percukaian yang perlu diketahui dan dipenuhi oleh setiap pembayar cukai dalam menunaikan tanggungjawab mereka terhadap negara, iaitu pelaporan pendapatan dan pembayaran cukai. Pelaporan pendapatan merujuk pengemukaan maklumat semua jenis pendapatan diterima kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (HASiL) melalui penghantaran borang cukai, manakala bayaran cukai perlu dijelaskan berdasarkan pelaporan yang telah dibuat.

Apakah risiko pelaporan cukai yang tidak tepat?

Pelaporan cukai yang tidak telus dan bayaran cukai yang tidak tepat akan mendorong kepada penyusutan dalam kutipan cukai yang pastinya menjejaskan perancangan kerajaan dalam merangka perbelanjaan pembangunan serta pengurusan negara. Pada tahun 2023, HASiL telah mengesan sejumlah RM5.2 bilion nilai cukai taksiran tambahan yang tidak dilaporkan oleh individu dan syarikat yang dikenal pasti melalui proses audit yang dijalankan bagi kes tiada pelaporan pendapatan, tersalah atau terkurang lapor sepanjang tempoh tersebut. Perkara sebegini dapat dibendung sekiranya pembayar cukai memahami dengan jelas tentang peranan dan tanggungjawab mereka terhadap negara dengan memastikan segala maklumat yang dilaporkan adalah tepat dan teratur seiring dengan dokumen pembuktian yang dimiliki.

Adakah risiko ini melibatkan kelompok pembayar cukai berpendapatan perniagaan?

Bagi pembayar cukai di bawah kategori berpendapatan perniagaan, antara perkara yang sering menjadi kemusykilan termasuklah sama ada:

- Perniagaan yang berstatus rugi perlu dilaporkan.
- Peniaga kecil dikenakan cukai.
- Semua perbelanjaan boleh dituntut dalam pengiraan cukai.

Pembayar cukai di bawah kategori ini merupakan kelompok yang penting kerana terdiri daripada pelbagai jenis punca pendapatan. Oleh itu, amat penting bagi mereka untuk mengetahui tentang maklumat yang perlu dilaporkan dalam borang cukai pendapatan, seterusnya menjurus pada pembayaran cukai yang tepat.

Apakah langkah yang perlu diambil bagi kelompok pembayar cukai yang berpendapatan perniagaan?

Pembayar cukai berpendapatan perniagaan perlu memastikan langkah yang berikut dilaksanakan:

- i) Mendaftar sebagai pengguna MyTax,
- ii) Menyediakan penyata kewangan seperti penyata untung rugi perniagaan, penyata kunci kira-kira, penyata aliran tunai, buku rekod debit kredit, dan lain-lain yang berkaitan dengan lebih awal,
- iii) Membuat pelaporan pendapatan perniagaan, termasuk rugi perniagaan menggunakan Borang Nyata B secara e-Filing (e-B).
- iv) Mengetahui jenis perbelanjaan yang boleh dan tidak boleh dituntut dalam perniagaan. Perbelanjaan yang boleh dituntut adalah merujuk perbelanjaan perniagaan yang boleh ditolak dan dibenarkan tolak daripada pendapatan kasar perniagaan selaras dengan peruntukan Seksyen 33(1), Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967.

Contoh perbelanjaan boleh dituntut: gaji dan potongan KWSP pekerja, sewa premis perniagaan, pinjaman perniagaan, kos pembaikan premis perniagaan, dan kos pembaikan kenderaan perniagaan.

- v) Menyediakan format kaedah pengiraan cukai untuk kemudahan rujukan.
- vi) Menyimpan semua rekod perniagaan dan dokumen yang berkaitan dengan tuntutan pelepasan cukai secara teratur selama tujuh tahun.

Kepentingan penyimpanan rekod perniagaan:

- » Memudahkan penyediaan penyata kewangan dan pelaporan cukai.
- » Memantau prestasi perniagaan bagi setiap tahun.
- » Memudahkan rujukan bagi perancangan perniagaan akan datang, termasuk sekiranya diperlukan untuk pembiayaan dengan agensi kewangan.
- » Mengelakkan risiko kehilangan dan kerosakan dokumen.

- vii) Menjelaskan bayaran cukai seperti yang tercatat pada borang cukai melalui ByrHASIL.
- viii) Mematuhi Notis Bayaran Ansuran CP500 yang perlu dijelaskan secara berkala.
- ix) Memaklumkan kepada HASIL secara bertulis sekiranya perniagaan ditamatkan atau berlaku sebarang perubahan dalam struktur perniagaan seperti maklumat pemilikan, ahli kongsi, skop perniagaan, dan sebagainya.

Pemakluman!

Pelaporan dan pembayaran cukai pendapatan bagi pembayar cukai berpendapatan perniagaan perlu dikemukakan kepada HASIL pada atau sebelum 30 Jun setiap tahun seperti mana yang tertakluk dalam ACP 1967. Tambahan masa sehingga 15 Julai 2024 diberikan kepada pengguna e-Filing bagi pelaporan cukai Tahun Taksiran 2023.